

08/05/1999

Simbol ketelusan, kebersihan dalam arus perdana politik

Hashim Hussin Yaacob

SEJAK Datuk Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, Januari lalu, beliau diberi tugas cukup berat dan mencabar. Namun dengan tabah dan sabar beliau menempuh segala rintangan.

Sebaik dilantik, beliau ditugaskan untuk mengetuai Barisan Nasional (BN) menghadapi pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah. Di tengah-tengah kancah politik, beliau terpaksa pula meningkatkan imej dan moral polis kerana beliau juga dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri. Beliau memperkenalkan motto 'Mesra Rakyat'.

Abdullah turut terbabit membantu memulihkan ekonomi negara melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sebagai timbalan pengerusi majlis itu. Ketika pelbagai suntikan untuk memulihkan ekonomi negara dilakukan, penduduk Negeri Sembilan terpaksa mendapat suntikan pelali akibat wabak Japanese Encephalitis (JE).

Sebagai pengerusi jawatankuasa yang ditugaskan menyelaras semua kementerian dalam menghadapi wabak itu, beliau dituduh pula dengan pelbagai kata nista oleh pihak pembangkang. Namun, semuanya dihadapi dengan tabah.

Dalam kesibukan mengurus negara dan menjaga kepentingan rakyat, ruparupanya beliau tidak sempat belajar mengenai kedudukannya sendiri sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Suatu ketika dikatakan beliau bersama keluarganya hendak keluar rumah, ditahan oleh pengawal keselamatan di pintu pagar rumahnya. Abdullah diberitahu bahawa beliau tidak boleh keluar, kecuali mendapat kelulusan daripada ADC terlebih dulu. Selepas menelefon ketua keselamatan, barulah beliau dibenarkan keluar. Inilah Abdullah atau lebih dikenali rakyat sebagai Pak Lah.

Dalam ujian menghadapi pilihan raya di Sabah, Abdullah menunjukkan komitmennya yang begitu tinggi demi memastikan kemenangan BN. Ini diperkuatkan lagi dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turun padang sebanyak tiga kali. Sentuhan emas Perdana Menteri menawan hati rakyat Sabah.

Apabila ditanya wartawan kenapa turun padang begitu kerap sekali, Dr Mahathir menjawab beliau mahu menolong timbalannya. Sememangnya pertolongan Dr Mahathir dan peranan yang dimainkan Abdullah menjanjikan satu kejayaan dalam arena politik Sabah dan politik tanah air.

Keberkesanan kehadiran Dr Mahathir tidak dapat dinafikan. Di mana saja beliau berada begitu ramai rakyat menyambutnya. Kemesraan yang ditanam sebenarnya membuahkan hasil.

Apa yang diterapkan dalam pilihan raya Sabah, sebenarnya adalah permulaan kepada satu suasana 'politik baru' di negara ini. Kepercayaan yang diberi oleh Perdana Menteri kepada Abdullah adalah kepercayaan untuk membawa peralihan dalam politik tanah air di samping menegakkan politik bersih, telus dan mesra rakyat.

Abdullah sendiri merintis beberapa langkah untuk menjamin kepercayaan rakyat serta keberkesanan pembangunan. Simbol utama yang datang bersama Abdullah dalam arus perdana politik ialah ketelusan dan kebersihan dalam politik dan pemerintahan. Di mana saja beliau berucap, beliau memberi penekanan mengenai keikhlasan dan ketulusan terhadap perjuangan demi kepentingan rakyat jelata.

Abdullah sentiasa menyeru kepada politik yang bersih, bermoral dan bermaruah. Abdullah menolak 'politik wang'. Wang memang digunakan untuk

berbelanja di sana sini, tapi wang tidak boleh diguna untuk membeli calon, menawan lawan atau menyogok pengundi.

Sebenarnya `politik baru' membawa erti yang lebih besar dan mendalam. Ia menandakan bermulanya politik yang lebih bermoral. Ini bermakna ia menuntut pengamal politik supaya memiliki moral yang tinggi, akhlak yang bersih dan baik. Sifat politik baru ini perlu bermula daripada amalan pengamal itu sendiri. Selepas itu barulah seseorang itu dapat menunjuk teladan yang baik kepada pengikutnya.

Tidak hairanlah Abdullah sering mengingatkan semua pihak supaya sentiasa berbuat baik dan jangan sekali-kali `bercakap bohong'. Teguran dan nasihat itu dituju juga kepada pemegang kuasa seperti anggota Kabinet, ahli Parlimen, DUN, anggota Exco negeri, pucuk pimpinan Bahagian dan Cawangan serta ketua-ketua masyarakat. Mereka mestilah sentiasa ikhlas dan jujur kepada rakyat.

Segala keputusan yang diambil mestilah datangnya daripada rakyat, bukan mengikut nafsu seseorang pemimpin. Rakyat hari ini sudah membuka mata. Mereka tidak mahu dijadikan catur dalam politik kotor. Segala-galanya mesti tulus dan ikhlas.

Zaman untuk mencari kekayaan tanpa kerja dan usaha gigih serta perkhidmatan yang tidak jujur, sudah berakhir. Membolot projek atas angin sudah berlalu. Setiap individu mesti bekerja untuk maju.

Bagi Abdullah perjuangan diibaratkan sebagai satu ibadat. Baginya, usaha bukan untuk di dunia saja, tapi juga untuk akhirat. Segala yang dilakukan adalah sebahagian daripada ketakwaan kepada Allah SWT. Setiap kita mesti menegakkan amal maaruf dan menjauhi nahi mungkar. Apa yang diredai Allah adalah perjuangan terhadap kemanusiaan; (An-Nas) membebaskan daripada segala belenggu penindasan dan pemerasan termasuk penjajahan bentuk baru (neo-kolonialism). Apabila manusia bebas dan merdeka, maka barulah ia dapat bertakwa kepada Allah dengan sepenuhnya dan berjuang untuk manusia.

Menjauhi daripada segala yang mungkar bukan sekadar meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah, malah mesti melawan segala godaan syaitan dan sekutunya seperti zionist dan pencetus rusuhan kaum. Di sini, Abdullah menyeru agar rakyat berjihad terhadap nafsu (jihadul nafsi), jihad melawan musuh dalam diri dan di luar diri. Kebenaran bukan saja ditegakkan di akhirat tapi juga di dunia.

Selari dengan jihadul-nafsi, politik baru yang dipertanggungjawabkan oleh Dr Mahathir kepada Abdullah ialah melawan penjajahan bentuk baru (neo-kolonialisme).

Neo-kolonialisme adalah lebih berbahaya daripada penjajahan bentuk lama. Musuhnya ada di kalangan kita dan mereka tidak membawa senjata atau berterus terang.

Pada waktu yang lalu, penjajah menakluk sesebuah negara untuk berdagang dan berniaga. Sekarang mereka terus menjalankan kegiatan yang sama tetapi tanpa menakluk. Mereka serahkan pemerintahan kepada anak tempatan, namun mereka tetap menguasai ekonomi dan perdagangan.

Segala prasarana perniagaan seperti modal, bank, perkilangan, bursa saham dan lain-lain, dalam genggaman mereka. Dengan menggunakan tali barut atau konco-konco tempatan, negara dapat dikawal atau diperintah secara tidak langsung.

Mengikut seorang ahli ekonomi Amerika Syarikat, Harry Magdoff, imperialisme baru mempunyai satu kepentingan saja iaitu `ekonomi', dan itulah saja niat Amerika.

Sejak perjanjian Bretton Woods, Amerika Syarikat dan sekutunya menguasai struktur kewangan dan ekonomi dunia melalui Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan beberapa agensi antarabangsa yang lain.

Apabila Malaysia menguatkuasakan kawalan modal terpilih dan pertukaran mata wang asing, Malaysia sebenarnya menyekat aliran negatif yang boleh

menyebabkan negara porak-peranda.

Di sinilah Abdullah dengan lantang mempertahankan tindakan Malaysia daripada terjerumus ke lembah kesengsaraan. Malah, sewaktu menjadi Menteri Luar lagi Abdullah mengatur langkah dengan membina benteng memperkukuhkan negara.

Permuafakatan yang intim antara pengurus politik dan ekonomi menyebabkan Malaysia dapat membuahkan pemulihan ekonomi yang lebih cepat. Ini adalah kekuatan yang diakui oleh banyak pihak sama ada dari dalam atau luar negara.

Sememangnya ke mana saja Abdullah pergi beliau menekankan bahawa kejayaan berkongsi kuasa untuk membawa kestabilan politik patut diluaskan bagi berkongsi kesenangan, kemakmuran dan keamanan. Tanpa berkongsi kestabilan politik, mustahil dapat melahirkan rancangan berkongsi ekonomi.

Oleh itu, beliau menyarankan kajian dilakukan terhadap Dasar Ekonomi Baru yang memulihkan hubungan kaum di Malaysia selepas peristiwa 13 Mei 1969 dan memungkinkan kemajuan ekonomi untuk kaum Bumiputera yang dianggap terbelakang itu.

Untuk menikmati keamanan yang berterusan, setiap individu mesti menghormati perlembagaan dan undang-undang. Abdullah menyarankan kepada mereka yang tidak puas hati agar menggunakan peti undi untuk mencapai perubahan atau reformasi.

Sebagai sebuah negara demokrasi berparlimen, setiap rakyat diberi pilihan untuk menentu masa depan. Mereka dibenar berpolitik melalui pertubuhan parti politik untuk menyuarakan pendapat atau saranan. Terpulanglah kepada rakyat untuk menentukan siapa yang bakal memerintah negara ini.

Sewaktu merasmikan mesyuarat Agung Tahunan, Umno Bahagian Batu Berendam, Bandar Hilir, Melaka, Abdullah menyeru rakyat dan ahli-ahli Umno supaya patuh kepada undang-undang dan perlembagaan. Jika tidak berbuat demikian, kita menjemput huru-hara dan ketidakstabilan negara.

Abdullah bertegas dan berpegang pada prinsip bahawa yang penting ialah Umno dan Umno mesti berjaya. Umno adalah ibu kandung kita. Abdullah bertanya:

"Sanggupkah kita menderhaka kepada ibu kandung kita?"

(END)